



Received: 2022-11-25

Accepted: 2022-12-05

Published: 2022-12-15

Original Article

Cabaran Pendidikan Akidah dan Akhlak Anak Era Revolusi Perindustrian 4.0 di Nusantara serta Solusi Menurut Sarjana Muslim

Challenges of Children's Faith and Morals of the Industry Revolution 4.0 Era in Nusantara and The Solutions according to the Muslim Scholars

Siti Noor Farahin M. Fariddudin^{a*} & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali^a & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

^a Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

* Corresponding author, email: s2101859@um.edu.my

ABSTRACT

The Industry Revolution 4.0 Era shows changes in various dimensions of human life including in the formation of family institutions as the main socialization agent in the Muslim community. Although the sophistication of digital technology dominates all human activities, the teachings and principles of Islam remain relevant as a life manual in facing the challenges of this era. Modern Muslim parents should now have accurate knowledge and understanding of religion as preparation in educating their children. However, the reference sources available throughout the archipelago are still limited, especially in relation to the process of refreshing the faith and the formation of morals in children. As such, this study unravels the challenges of child education from the perspective of Aqidah and Ethics of the Industry 4.0 era in the archipelago and then details the appropriate solution to overcome this issue based on the views of three Muslim scholars such as Ibnu Qayyim, Abdullah Nasih 'Ulwan and Muhammad Suwayd. These three scholars were selected based on their expertise in the field of children's education which is accepted all over the world until now. This study is qualitative in nature and uses the literature review method on the works of selected Muslim scholars as well as previous studies. As a result, the researcher found that the integration of the discourse of thought and the throwing of ideas of the selected Muslim scholars are able to generate a transformation of the thoughts of parents now in carrying out the responsibility of educating their children to always make a paradigm shift on the path of true Islamic faith and morals that characterize the prophetic sunnah.

Keywords: Challenges, Children's Faith, Beliefs, Ethics, Industry Revolution 4.0, Archipelago.

Pendahuluan

Dunia moden kini telah menyaksikan kemajuan teknologi digital yang begitu pesat hasil kepelbagaian bentuk inovasi yang berlaku. Perkembangan ini secara tidak langsung memberi impak dan mengubah corak serta gaya hidup masyarakat Nusantara di segenap peringkat umur¹. Tidak dinafikan, perkembangan teknologi ini tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat². Malah perkembangan teknologi khususnya eksistensi internet dan media sosial membawa banyak perubahan sosial kerana pelbagai informasi dan maklumat dapat disalurkan³.

Setelah Revolusi Digital berlaku dalam Revolusi Perindustrian Ketiga dengan penciptaan jaringan internet dan perkembangan satelit sejak tahun 1980-an, dunia kini berada di fasa Revolusi Perindustrian Keempat yang membawa pendekatan baru dengan menjadikan teknologi sebatи bersama masyarakat atau menjadi sebahagian anatomi tubuh manusia. Ini bermakna keupayaan teknologi tidak lagi bergantung kepada tenaga manusia. Pada peringkat permulaan Revolusi Perindustrian Keempat akan mengubah cara hidup manusia dan pekerjaan⁴. Kegunaan robot akan terus meningkat seiring dengan perkembangan Kecerdasan Buatan atau '*Artificial Intelligence*' (AI) bersama Internet Pelbagai Benda atau *Internet of Things* (IoT). Pada masa yang sama, ledakan nama seperti *WhatsApp*, *Uber*, *Zalora*, *Trivago*, *Waze*, *Foodpanda* dan pelbagai lagi syarikat berlandaskan internet mula serasi kepada penggunaan harian masyarakat.

Perubahan ini berupaya membawa transformasi terhadap norma, nilai dan landskap kehidupan masyarakat termasuklah persepsi tentang manusia itu sendiri sehingga menyebabkan ciptaan manusia yang asli dan yang tiruan menjadi semakin rumit untuk dibezakan. Hal ini digambarkan dengan istilah 'transhumanisme' berdasarkan teknologi 'transhumanist' sebagai penggeraknya. Senario ini menggambarkan bagaimana alam manusia mula dikombinasikan dengan dunia robot serta *artificial intelligence* (AI) dan bioteknologi. Ini kerana ciri dan sifat kemanusiaan itu sendiri mula diterokai serta ditiru melalui kecanggihan teknologi masa hadapan yang lebih mudah menguasai ke dalam tubuh badan manusia.

Namun di sebalik kepesatan teknologi ini, ancaman ke atas akidah umat Islam menjadi semakin bertambah apabila dunia menjadi semakin terbuka melalui hubungan sosial yang meluas, kemajuan internet dan kemudahan maklumat. Ideologi yang bercanggah dengan akidah Islam seperti sekularisme, liberalisme dan Syiah mula merebak ke atas generasi muda umat Islam. Tambahan pula, di sebalik keghairahan mempersiapkan masyarakat untuk berhadapan

¹ Naquiah Nahar et al., "Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja (Negative Impact of Modern Technology To the Children'S Life and Their Development)," *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5, no. 1 (2018), doi:10.11113/umran2018.5n1.181.

² Syed Mohammad et al., "Penggunaan Media Sosial Baharu : Isu-Isu Dan Panduan Perspektif Islam The Use of New Social Media : Issues and Guidelines From an Islamic Perspective Pendahuluan Penggunaan Media Sosial Baharu Pada Masa Kini Adalah Seiring Dengan Era Kemodenan Yang Berlak" 50, no. 1 (2022): 69–92.

³ Romlah Ramli et al., "Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial Dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan," *Journal of Techno - Social* 8, no. 1 (2016): 102–11.

⁴ Mohamed Ali Haniffa, Ayu Nor azilah Mohamad, and Nor Azlah Sham Rambely, "Survival Orang Melayu Mendepani Arus Revolusi," *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kumanusiaan*, no. April (2018): 1–15.

dengan IR 4.0, perkara yang menjadi kerisauan ialah masyarakat masih dibelenggu krisis keruntuhan akhlak dan isu sosial khususnya generasi muda⁵.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi isu akidah dan akhlak dalam kalangan anak ini, pandangan ulama atau sarjana Muslim wajar diketengahkan. Menurut Osman Bakar, pandangan dan pemikiran ulama Islam amat perlu ditonjolkan kepada masyarakat moden bagi menangani pengaruh negatif modenisasi dan mengajak masyarakat untuk berpegang dengan tradisi agama⁶. Perkara ini begitu signifikan kerana dengan keilmuan dan kepakaran yang dimiliki, mereka mampu mencerna sumber wahyu dalam bentuk yang mampu difahami dan diterima oleh masyarakat awam untuk diamalkan dalam kehidupan.

Sebagai solusi, pendidikan merupakan neraca dan indikator utama yang mampu menentukan hala tuju dan jatuh bangun sebuah tamadun. Manakala pendidikan kanak-kanak mengambil tempat yang tertinggi dalam bidang pendidikan kerana ia merupakan detik dan fasa permulaan dalam menjamin kelangsungan pendidikan manusia⁷. Menurut Khadijah, pendidikan yang sebenar dalam Islam adalah untuk meraikan kepelbagaiannya yang timbul dalam kehidupan manusia⁸. Bertitik tolak daripada itu, peranan ibu bapa era Revolusi Perindustrian 4.0 ini bertambah sukar ekoran daripada ledakan revolusi teknologi yang berlaku dalam segenap aspek kehidupan⁹. Realitinya anak-anak kini berkembang lebih pantas akibat terdedah dengan dunia tanpa sempadan khususnya melalui gajet. Menurut Hasri dan Hasliza, pada zaman kini peranan bapa adalah lebih besar dan sangat bernilai terutama dengan perubahan masa. Tidak dapat dinafikan bahawa zaman teknologi ini tanggungjawab membina keluarga khususnya dalam mencorakkan pendidikan anak-anak begitu mencabar. Ini kerana penyebaran maklumat dan penggunaan peranti teknologi semakin pantas dan canggih¹⁰.

Oleh sebab masyarakat Nusantara mempunyai banyak persamaan dari sudut kedudukan, budaya, tradisi serta perkembangan Islam, maka pembangunan teknologi era Revolusi Perindustrian 4.0 yang berlaku di setiap negara Nusantara juga tidak mempunyai banyak jurang perbezaan. Oleh itu, kajian ini mencetus alternatif yang sesuai untuk diimplementasikan oleh para ibu bapa dalam mencorakkan pendidikan akidah dan akhlak anak pada era baru ini. Dengan

⁵ Ishak Mziahtusima et al., "Mendepani Cabaran Era Revolusi Industri 4.0 : Hubungan Amalan Pembelajaran Berterusan Dengan Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat," *Journal of Chemical Information and Modeling* 53, no. 9 (2013): 1689–99.

⁶ Osman Bakar, "In Focus Family Values , the Family Institution , and the Challenges of the Twenty-First," *Islam and Civilisation Renewal*, 2011, 25.

⁷ Mohd Hasem Almuddin, Asyraf Isyraqi Jamil, and Che Zarrina Sa'ri, "Amalan Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam," *Journal of Islamic Educational Research (JIER)* 1, no. Special Issue (2016): 10, <http://ajba.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/2157/475>.

⁸ (Khadijah Mohd Khambali@Hambali et al., 2017)

⁹ Siti Noor Farahin M Fariddudin, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, and Syed Mohammad Hilmi Bin Syed Abdul Rahman, "Dimensi Keibubapaan Dalam Pendidikan Anak Di Era Pandemik Dan Solusi Menurut Kitab Manhaj Al-Tarbiah Al- Dimensions of Parenting in Children 's Education in the Pandemic Era and Solutions According to the Book of Manhaj Pendahuluan Ibu Bapa Mempunyai Per," *Jurnal Usuluddin* 50, no. 1 (2022): 93–114.

¹⁰ Hasri Harun and hasliza Mohamad Ali, "Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera : Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital (The Role of Fathers in the Formation of Well-Being Family : An Analysis of Issues and Challenges in the Digital Era)," *Online Jurnal; Research In Islamic Studies* 8, no. 2 (2021): 57–66, <http://jice.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/32193/13506>.

mengakui bahawa perkembangan zaman kanak-kanak dan remaja merupakan fasa yang amat penting dalam kehidupan mereka, ibu bapa patut bersikap lebih proaktif dalam menangani isu dalam era dunia di hujung jari ini dengan sentiasa berada selangkah di hadapan menghadapi ledakan teknologi dalam kehidupan anak-anak.

Biografi Sarjana Muslim

Sebelum merungkai pandangan para sarjana Muslim berkaitan solusi bagi isu akidah dan akhlak anak ini, pengkaji mengemukakan biografi ketiga-tiga sarjana yang dipilih. Ketiga-tiga mereka mempunyai latar belakang pendidikan serta kelayakan dalam mengupas isu pendidikan anak ini kerana gagasan pemikiran serta karya agung mereka telah diiktiraf oleh segenap lapisan masyarakat seluruh dunia sehingga ke hari ini. Ini membuktikan lontaran idea mereka cukup relevan dan diterima oleh dunia moden kini.

Biografi Ibnu Qayyim

Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyūb bin Sa'ad bin Hārith Al-Zar'i Al-Dimashqy. Beliau ialah seorang ahli fekah dan fatwa, al-Imam ar-Rabbani Syaikhul Islam kedua, laqabnya adalah Shams al-Dīn dan kunyahnya adalah Abū 'Abd. Allāh, beliau lebih dikenali sebagai Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. Beliau lahir pada 7 Safar 691 H/1291 M. Ibnu Qayyim al-Jawziyyah hidup dalam bimbingan bapanya dalam persekitaran yang subur dengan ilmu pengetahuan. Sejak kecil ibn Qayyim al-Jawziyyah terkenal sebagai seorang yang gemar menuntut ilmu dan beliau mempelajari ilmu Faraid daripada bapanya, Syeikh Qayyim al-Jawziyyah. Beliau seorang yang sentiasa dahaga ilmu dan berusaha sedaya upaya untuk menggali ilmu daripada ahlinya, antaranya ialah Al-Shihāb Al-Abir dan Abū Al-Fath Al-Ba'lābakki, ialah gurunya dalam bidang ilmu Nahu iaitu pakar dalam mengajarkan *Alfiyah Ibnu Malik*. Akhirnya beliau menguasai dan fasih berbahasa arab sebelum usianya mencapai sembilan tahun.

Selain itu juga Ibnu Qayyim gemar menelaah buku-buku ilmu jiwa dan mempelajari seluruh cabang ilmu syariah seperti; ilmu kalam, tafsir, hadis, fiqh, usūl fiqh dan faraid. Beliau juga merupakan anak didik Imam Ibnu Taimiyah. Kecintaan Ibnu Qayyim kepada gurunya ini sungguh telah meresap dalam sanubarinya, sehingga beliau mengambil majoriti ijtihadnya. Kebersamaannya bersama Ibnu Taimiyah selama 16 tahun memiliki pengaruh yang cukup besar dalam membentuk pola pemikirannya, pengisian dan pengembangan potensinya berkenaan dengan al-Quran dan al-Sunah¹¹. Ibnu Qayyim selalu mengunjungi Kaherah untuk menuntut ilmu dan berdiskusi dengan para sarjana di Mesir.

Beliau juga terkenal dengan kesungguhan dan kegigihannya dalam menjalankan kajian dan penelitian. Disebabkan beliau amat mencintai ilmu, beliau banyak mengumpul kitab sehingga ada antara kitab beliau yang tidak dimiliki oleh orang lain. Kitab milik beliau merangkumi karangan ulama salaf dan khalaf. Beliau juga seorang tokoh yang memiliki akhlak dan terpuji dan amat tekun beribadah. Beliau juga merupakan seorang penulis yang produktif. Taha Abd al-Rauf, seorang sejarawan menuliskan karya Ibnu Qayyim tidak kurang dari 49 buku

¹¹ Asep Saepul Amri, "Konsep Pendidikan Anak Dalam Islam Perspektif Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah" 2017, <http://eprints.walisongo.ac.id/7418/>.

yang meliputi pelbagai disiplin ilmu, termasuk bidang pendidikan. Beliau wafat pada malam Khamis 23 Rejab 751 H/1351 M dan dikebumikan di pemakaman al-Bāb al-Şaghīr, Damsyik¹².

Beliau meninggalkan khazanah penulisan yang sangat banyak kepada umat Islam dalam pelbagai bidang ilmu seperti Hadis, Sirah, Adab, Fiqh, Usul, Akidah dan bahasa. Antara penulisannya yang terkenal ialah *Tuhfah al-Mawdūd bi Aḥkām al-Mawlūd*, *I'lām al-Muqi'in*, *Ighāṣah al-Lahfan*, *Tahdhīb Sunan Abi Dāwud*, *Zād al-Ma'ād*, *Al-Shawa'id al-Mursalah*, *Ijtima' al-Juyūsh al-Islāmiy*, *Rawḍah al-Muhibbīn wa Nuzhah al-Mushtaqīn*, *al-Jawāb al-Kāfi Liman Sa'ala 'an al-Dawā' a-Shāfi'i* atau juga dikenali dengan nama *a-Da' wa al-Dawā'*, *al-Ṭibb al-Nabawī*, *Maārij al-Salikin* dan *Tariq al-Hijratayn wa Bab al-Sa'adatayn*¹³.

Dengan sifatnya yang sangat mencintai ilmu dan sering mendampingi para ulama, beliau telah mewarisi asas ilmu yang kukuh ditambah dengan bakat serta minat yang mendalam dalam menghasilkan karya penulisan menjadikan idea pemikiran beliau sentiasa segar dan menjadi rujukan masyarakat. Sebagai contoh, dengan penguasaan terhadap pelbagai disiplin ilmu seperti Ilmu Kalam, Ilmu Faraid, Tafsir, Hadis dan Tasawuf memberi kelebihan kepada Ibnu Qayyim untuk menghasilkan karyanya dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk ilmu pendidikan, perkara ini memberi gambaran bahawa lontaran idea beliau dalam isu pendidikan mencakupi banyak sudut dan elemen berdasarkan kepelbagaian kepakaran yang dimiliki.

Biografi Abdullah Nasih 'Ulwan

Nama lengkapnya ialah Abdullah Nasih 'Ulwan. Beliau ialah seorang pendidik yang alim dan faqih. Beliau dilahirkan di Desa Qħadī Askar di Kota Halab, Suriah pada tahun 1347 H/ 1928 M. Beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga yang berpegang teguh pada agama dan mementingkan akhlak Islam dalam pergaulan sesama manusia. Keluarga Abdullah Nasih 'Ulwan terkenal kerana ketakwaann dan kesolehannya. Nasabnya sampai kepada al-Husain bin Ali bin Abi Thalib RA. Bapanya, Sheikh Said 'Ulwan merupakan seorang yang alim dan doktor yang disegani. Beliau sering berdoa agar zuriat keturunannya menjadi ulama yang dapat membimbing masyarakat.

Ketika berusia 15 tahun, Nāṣīḥ 'Ulwan telah menghafal al-Quran dan menguasai ilmu bahasa Arab dengan baik. Abdullah Nasih 'Ulwan sangat cemerlang dalam pelajaran dan sentiasa menjadi tumpuan rujukan rakan-rakannya di madrasah. Beliau adalah orang yang pertama memperkenalkan pelajaran Tarbiyah Islamiyah sebagai pelajaran asas di sekolah. Antara guru beliau ialah Dr Sheikh Mustafa Al-Siba'ei. Pada tahun 1952 beliau berjaya menamatkan pengajian di Fakulti Usuluddin di Universiti Al-Azhar dan pada 1980 beliau berkhidmat sebagai tenaga pengajar di Universiti al-Malik Abdul Aziz. Beliau meninggal pada 9 pagi Sabtu, 5 Muharram 1398 H/ 29 Ogos 1987 di Hospital Universiti Malik Abdul Aziz Jeddah Arab Saudi dalam usia 59 tahun.

¹² Novi Setiawati, "Pendidikan Anak Dalam Keluarga (Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashih 'Ulwan Dan Ibnu Qayim Al-Jauziyyah)," 2018, 1–135.

¹³ Abdul Wahab Md Ali, "Analisis Terhadap Tahap-Tahap Ketagihan Menurut Teori Al-'Ishq Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah," *Al-Hikmah* 9 (1) (2017): 43–52.

Jenazahnya dibawa ke Masjid al-Haram dan disolatkan setelah solat Asar dan dikebumikan di sana.

Beliau banyak menulis dalam pelbagai disiplin ilmu seperti pendidikan, akidah dan fiqh. Hasil karya beliau dimanfaatkan sehingga kini di seluruh pelusuk dunia. Antara karya beliau berkaitan pendidikan *ialah Ilā Warathati al-Anbiyā’i, Ḥattā Ya’lama al-Shabāb, Tarbiyah al-Awlād fi al-Islām* dan *Hukm al-Islām fi Tilfiziyyūn*¹⁴.

Tuntasnya, pengkaji melihat bahawa salasilah keturunan beliau yang mempunyai susur galur yang bersambung daripada Rasulullah SAW memberi peluang untuk beliau merasai sendiri *tarbiah Islamiyyah* yang diterapkan dalam keluarga beliau serta hubungan interaksi kekeluargaan yang mendapat *tarbiah* secara langsung daripada baginda SAW tentunya mempunyai pengaruh yang dominan dalam kehidupannya. Maka beliau berkongsi pengalaman berharga ini melalui hasil karya penulisannya yang menjadi sumber inspirasi dan rujukan masyarakat daripada generasi ke generasi sehingga kini. Ketokohan beliau terserlah apabila beliau mula memperkenalkan subjek *Tarbiah Islamiyyah* di sekolahnya, hal menunjukkan beliau mempunyai kefahaman dan matlamat yang jelas dalam isu pendidikan khususnya dalam pendidikan anak.

Biografi Muḥammad Suwayd

Nama sebenar pengarang kitab *Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyyah Li al-Ṭifli* iaitu Muḥammad Nūr Abdul Ḥāfiẓ Suwayd ialah ialah Khalid bin Abdurrahman. Selepas ini kajian ini menggunakan nama Muḥammad Suwayd bagi menggantikan nama penuh penulis kitab ini. Beliau dilahirkan di Damsyik pada tahun 1362 H/1943 M. Beliau merupakan seorang yang suci hatinya dan bersifat tawaduk, alim, ahli ibadah dan pengarang kitab yang memberi panduan dalam merungkaikan pelbagai permasalahan kehidupan merangkumi pelbagai aspek pendidikan.

Semasa usianya mencapai tujuh tahun, beliau dimasukkan ke sekolah peringkat rendah di Madrasah Ibtidāiyah Fathul Islāmī oleh kedua-dua ibu bapanya. Di madrasah ini beliau dibimbing dan dididik oleh guru-guru yang mahir sehingga terserlah pelbagai kemahiran semasa beliau di usia masih muda. Setelah itu, beliau kemudian melanjutkan pelajarannya di Madrasah Thanāwiyyah al-Shar’iyyah sekitar tahun 1970 M. Di sana beliau aktif belajar dan mula mengajar secara sambilan. Pada tahun 1969 M, beliau memegang rekod Kejuaraan Renang kategori Junior di Kuwait dalam tempoh beberapa tahun. Beliau berjaya mengekalkan kejuaraan dengan tempoh renangan yang panjang dalam waktu yang singkat.

Beliau mendalami ilmu daripada ulama Syam dan di antaranya; seorang ahli fatwa terkemuka iaitu Dr. Syaikh Muḥammad Abū Yusrā ‘Abidin dan Syaikh Hussein Khaṭṭab. Beliau turut berguru dengan Mohammad Abū Yāsir ‘Ābidīn untuk mendalami ilmu Fiqh Hanafi, Fiqh Syafie, Hadis dan sejarahnya. Muḥammad Suwayd mengikuti jejak belajar dan mengajar daripada ahli Hadis; Syaikh Muḥammad Nāṣir al-Dīn Albāni. Beliau turut bertugas sebagai guru dan pemimpin dakwah di beberapa buah kampus sekitar Damsyik. Beliau bergiat aktif sebagai

¹⁴ Ahmad Guntur, “Pendidikan Anak Dalam Keluarga (Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashih ‘Ulwan Dan Jamal Abdurrahman)” 2018.

pemimpin di sebuah pondok Salaf yang bernama Ijtihād dan turut bekerja sebagai konsultan jurutera di Kuwait. Sepanjang hidupnya beliau banyak memberi sumbangan terhadap sistem pendidikan seperti mentahkik kitab-kitab dalam pelbagai disiplin ilmu seperti Akidah, Fiqah, Hadis dan menulis dan menyusun *mausu'ah*.

Permata ummah ini telah meninggal dunia pada hari Jumaat tahun 1420 H/1999 M di bandar kelahirannya Damsyik dengan meninggalkan jasa dan karya yang dimanfaatkan sehingga kini. Antara karya Muḥammad Suwayd berkaitan pendidikan ialah *Maktabah al-Usrah al-Muslimūn*, *Adāb al-Hayāh al-Zawjiyyah*, *Al-Muḥarramāt ‘ala al-Muslimah*, *Bina’ al-Usrah al-Muslimah*, *Tarbiyah al-abna’ wa al-Banāt*, *Shakhṣiyah al-Mar’ah al-Muslimah*, *Wājibah al-Mar’ah al-Muslimah* dan *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyah li al-Tiflī*¹⁵.

Oleh itu, latar belakang keluarga dan pendidikan yang dimiliki oleh Muḥammad Suwayd ini telah membentuk keperibadiannya yang mampu menjadi rujukan kepada umat khususnya mengenai isu pendidikan dan kekeluargaan. Perkongsian pengalaman dan lontaran idea beliau yang begitu dinamik sewajarnya diterokai demi manfaat umat Islam sejagat.

Pendidikan Akidah dan Akhlak Anak menurut Sarjana Muslim

Dasar pendidikan anak ialah seruan agama agar ibu bapa mempersiapkan anak untuk memikul tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah Allah di muka bumi. Setelah kajian dijalankan, pengkaji menyimpulkan bahawa kesemua para sarjana Muslim yang dipilih iaitu Ibnu Qayyim,¹⁶ Nasih ‘Ulwan¹⁷ dan Muḥammad Suwayd¹⁸ sepakat menunjangi pandangan mereka mengenai suruhan dalam firman Allah dalam Surah al-Tahrim 66: 6 sebagai sandaran teori yang mendasari tuntutan memelihara ahli keluarga termasuklah tanggungjawab mendidik anak. Firman Allah SWT:

- أَئِنَّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَّا لِنفْسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ رَّا وَقُوَّدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ
شِدَادٌ لَا يَغْصُونَ إِنَّمَا أَمْرُهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَلِيُّونَ مُرْوُونَ

Surah al-Tahrim 66: 6

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya);

¹⁵ Redho Rahmad Hidayah, “Metode Orang Tua Dalam Pendidikan Karakter Anak Pada Kitab Manhaj At Tarbiyah An Nabawiyah Lith Thifl Karya Muhammed Nur Abdul Hafizh Suwaid,” *Fakultas Tarbiyah Dan Tadris Institut Agama Islam Negeri Bengkulu* (Institut Agama Islam Negeri Bengkulu, 2021).

¹⁶ Ibnu Qayyim Abu ‘Abd. Allāh Muḥammad bin Abu Bakr bin Ayyūb bin Qayyim al-Jawziyyah. *Tuhfah al-Mawdūd bi Ahkām al-Mawlūd*. Ed. Fawwaz Alḥamad Zamarli, (Beirut: Dār Kitab al-‘Arabi, 2004), 180.

¹⁷ ‘Abd. Allāh Nāṣih ‘Ulwan. *Tarbiyah al-Awlād fi al-Islām*. (Kaherah: Dār al-Salām, 2020), 1:108.

¹⁸ Muḥammad Nūr ‘Abd. al-Hāfiẓ Suwayd. *Al-Tarbiyah Al-Nabawiyah Li al-Tiflī*, (Beirut: Dār Ibnu Kathīr, 2006), 32.

mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”

Menurut *Tafsir Al-Qurtubi*, Sufyān al-Thawrī telah meriwayatkan daripada Mansūr, daripada seorang lelaki, daripada ‘Alī Ibnu Abū Ṭalib RA sehubungan dengan makna firman-Nya: peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka.¹⁹ Makna yang dimaksudkan ialah didiklah mereka dan ajarilah mereka. Alī ibnu Abū Ṭalḥah telah meriwayatkan dari Ibnu ‘Abbās sehubungan dengan makna firman ini ialah,

فَوَالنَّفْسُكُمْ وَأُمُرُوا أَهْلِيْكُمْ لِذِكْرِ وَالدُّعَاءِ حَتَّى يَقْعُدُوكُمْ

laitu peliharalah dirimu daripada larangan-Nya, serta perintahkanlah keluargamu untuk mengingati Allah serta berdoa kepada-Nya, nescaya Allah akan menyelamatkan kamu daripada api neraka.

Mujāhid mengatakan sehubungan dengan makna firman ini, bertakwalah kamu kepada Allah dan perintahkanlah ahli keluargamu untuk bertakwa kepada Allah. Qatādah mengatakan bahawa engkau perintahkan mereka untuk taat kepada Allah dan engkau mencegah mereka daripada menderhakai-Nya. Dan hendaklah engkau tegakkan perintah Allah dan engkau anjurkan mereka untuk mengerjakannya serta engkau bantu mereka untuk mengamalkannya. Dan apabila engkau melihat dalam kalangan mereka terdapat suatu perbuatan maksiat terhadap Allah, maka engkau harus cegah mereka darinya dan engkau larang mereka melakukannya. Perkara yang sama telah dikatakan oleh Al-Ḍahhāk dan Muqātil, bahawa sudah merupakan suatu kewajipan bagi seorang muslim mengajarkan kepada keluarganya sama ada dewasa atau kanak-kanak akan segala yang difardukan oleh Allah dan mengajarkan kepada mereka perkara yang dilarang oleh Allah yang harus mereka jauhi.

Dalam *Tafsir Ibnu Kathīr*, beliau menyebut ayat tersebut membawa maksud,

أَيْ: مُرُوهُمْ لِمَعْرُوفِ، وَأَخْوَهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ، وَلَا تَدْعُوهُمْ هَنَالْفَتَأْكَلُهُمُ النَّارُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

laitu kewajipan memerintahkan keluarga untuk melaksanakan perkara kebaikan yang baik dan melarang mereka melakukan perkara kemungkaran, jangan mengabaikan mereka sehingga menyebabkan mereka ditelan oleh api neraka di Hari Kiamat.²⁰

Penjelasan Ibnu Kathīr senada dengan anjuran Nabi SAW seperti yang dijelaskan dalam hadith berikut:

¹⁹ Abu ‘Abd. Allāh Muḥammad bin Ahmad al-Anṣārī al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān Tafsir al-Qurtubī*, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Masriyah, 1964).18:195.

²⁰ Abu al-Fida’ Ismā’īl bin ‘Umar bin Kathir al-Dimashqi. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*, (Riyadh: Dār al-Taybah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1999), 5:240.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "رَحْمَ اللَّهِ رَجُلًا قَامَ مِنَ اللَّيلِ فَصَلَّى، وَلَيَقْظَ امْرَأَةً، فَإِنْ أَبْتَ نَصَحَّ فِي وَجْهِهَا الْمَاءَ، رَحْمَ اللَّهِ امْرَأَةً قَامَتْ مِنَ اللَّيلِ فَصَلَّتْ، وَلَيَقْظَ رَوْجَهَا، فَإِنْ أَبْتَ نَصَحَّ فِي وَجْهِهِ الْمَاءَ"

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA berkata Rasulullah SAW bersabda: "Allah akan mengasihi seorang lelaki yang mengerjakan solat malam kemudian mengejutkan isterinya (untuk melaksanakan ibadah di malam hari), jika dia enggan, lelaki tersebut memercikkan air ke wajahnya. Allah mengasihi seorang wanita yang mengerjakan solat malam serta mengejutkan suaminya, maka bila dia enggan, wanita tersebut memercikkan air ke wajah mereka dengan air."²¹

Berdasarkan huraihan di atas dapat difahami bahawa orang tua memiliki kewajipan untuk memelihara diri dan keluarga (anak-anaknya) dari siksaan api neraka melalui memberikan pendidikan akidah bagi keluarganya. Secara asasnya, setiap tindakan manusia dipengaruhi dan dikendalikan oleh akidah yang dimilikinya. Sesungguhnya penyimpangan dalam akhlak serta mu'amalah merupakan akibat daripada penyimpangan akidah. Karena akhlak pada dasarnya merupakan natijah daripada akidah yang diyakini seseorang dan impak daripada agama yang dianutnya ²².

Bertitik tolak daripada sandaran teori yang dinyatakan, ketiga-tiga sarjana Muslim ini telah meletakkan beberapa elemen sebagai komponen utama dalam pendidikan anak. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya merincikan perbincangan kepada aspek akidah dan akhlak kerana kedua-dua elemen ini merupakan elemen paling kritikal yang wajar diberi perhatian dalam mendepani krisis kerapuhan akidah dan keruntuhan akhlak anak era Revolusi Perindustrian 4.0 ini.

Pendidikan Keimanan (*Al-Tarbiah Al-Imāniyyah*)

Al-Tarbiah Al-Imāniyyah bermaksud usaha yang dilakukan untuk memelihara iman anak, meningkatkan kualiti dan menyempurnakannya. Ibnu Qayyim berpendapat bahawa tanggungjawab utama ibu bapa dalam proses pendidikan anak ialah *Tarbiah Imaniyah* iaitu tanggungjawab keimanan. Pendidikan akidah ini wajar diberi keutamaan agar tujuan pendidikan yang dicurahkan kepada anak tidak tersasar daripada matlamat sebenar iaitu untuk melahirkan hamba yang taat kepada Allah SWT dan Rasul-Nya ²³. Perkara ini berdasarkan kenyataan beliau dalam kitabnya,

²¹ Abū Dāwud Sulaymān bin al-Ash'ath al-Azadiy al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāud*. ed. Shu'ib al-Arnā'ūt et al., (Beirut: Dār al-Risālah al-'Ālamiyah, 2010), 134. [Kitāb al-Šolāh, Bāb Qiyām al-Layl, no hadith: 1308, Hadis Hassan Ṣahīh]

²² Susiba Susiba, "Pendidikan Akidah Bagi Anak Usia Dini," *POTENSIJA: Jurnal Kependidikan Islam* 4, no. 2 (2019): 155, doi:10.24014/potensia.v4i2.5871.

²³ Rosidi Rosidi, "Konsep Pendidikan Anak Prasekolah Dalam Perspektif Ibn Qayyim Al-Jawziyyah," *Tarbawy : Jurnal Pendidikan Islam* 6, no. 1 (2019): 1–14, doi:10.32923/tarbawy.v6i1.869.

“Hati dan badan manusia sangat memerlukan kepada pendidikan agar kedua-duanya mampu berkembang dan bertambah sehingga meraih kesempurnaan dan kebaikan.”

Pendidikan keimanan di sini bermaksud beriman kepada Allah dan Rasul dengan cara membenarkan dalam hati, diungkapkan dengan lisan dan diterjemahkan melalui amalan yang dilaksanakan oleh seluruh anggota badan. Secara umumnya, pendidikan keimanan ialah suatu bentuk usaha untuk menjadikan anak sebagai seorang yang taat dalam mengerjakan seluruh perintah Allah dan mengikuti ajaran Rasulullah SAW²⁴.

Perkara ini diperkuatkan oleh pandangan Nāsiḥ ‘Ulwān yang menegaskan keperluan ibu bapa untuk memperkenalkan anak dengan kalimah tauhid yang merupakan rukun Iman yang pertama.²⁵ Kalimah tauhid adalah asas terpenting kerana ia ialah kalimah syahada yang membuktikan keislaman seseorang. Kalimah ini membawa dua unsur penting iaitu *al-Nafyū wa al-Ithbāt* (penafian dan penekanan) iaitu penafian terhadap kewujudan tuhan selain Allah serta penekanan bahawa hanya Allah satu-satunya tuhan yangelayaknya disembah. Kedua-dua unsur ini penting bagi mengukuhkan keimanan seseorang.

Di samping itu terdapat beberapa asas yang disarankan oleh Muhammad Suwayd dalam menerapkan benih akidah dalam diri seorang anak. Beliau mengukuhkan pandangan Ibnu Qayyim dan Nasih ‘Ulwan yang menyarankan agar ibu bapa mengajarkan anak kalimah tauhid kerana ia membuktikan keislaman seseorang. Meskipun anak dilahirkan dalam keadaan Muslim, penghayatan dan kefahaman mereka dengan kalimah ini mampu menguatkan keimanan, kepercayaan serta keyakinan mereka kepada Allah.

Selain itu, menjadi prioriti kepada ibu bapa untuk menyemai perasaan cinta kepada Allah sedari awal usia anak. Meskipun mereka dilahirkan sebagai seorang Muslim, kecintaan ini perlu disemai agar ia tumbuh subur dan mekar seiring sehingga menatijahkan hati yang sentiasa *husnu zhon billah* (berbaik sangka kepada Allah) dengan menerima segala ketentuan-Nya. Muhammad Suwayd turut mengukuhkan pandangan Nasih ‘Ulwan yang menyebutkan menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memupuk kecintaan kepada Rasullah SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda. Kecintaan ini dibajai dengan mengamalkan sunnah baginda dalam segenap aspek kehidupan. Demikian juga tanggungjawab mengajar anak membaca al-Quran, ibu bapa merupakan individu pertama yang menjadi guru yang memperkenalkan anak dengan kalamullah.

Muhammad Suwayd turut menyarankan ibu bapa agar mengambil perhatian terhadap perkembangan dimensi ibadah mengukuhkan saranan Nasih ‘Ulwan agar prihatin terhadap taklifan ibadah seperti solat dan puasa sejak berumur tujuh tahun. Hal ini bagi mempersiapkan mereka dengan tanggungjawab dalam mengerjakan ibadah apabila mencapai umur sepuluh tahun sehingga dibenarkan merotan mereka jika enggan melaksanakan ibadah solat fardu atau

²⁴ Amri, “Konsep Pendidikan Anak Dalam Islam Perspektif Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah.”

²⁵ ‘Abd. Allāh Nāsiḥ ‘Ulwan. *Tarbiyah al-Awlād fi al-Islām*. (Kaherah: Dār al-Salām, 2020), 1:117.

mencapai peringkat baligh iaitu fasa mereka wajib melunasi setiap ibadah yang difardukan kerana mereka telah tergalas dengan dosa dan pahala.

Selain itu, antara hikmah yang tersirat daripada suruhan memulakan mengerjakan solat seawal usia tujuh tahun iaitu bertujuan melatih anak membiasakan diri dengan bacaan dan perbuatan dalam ibadah solat. Proses memperkenalkan anak dengan rukun dan syarat wuduk dan solat mengambil masa selama tiga tahun sebelum mereka boleh dihukum sekira meninggalkannya secara sengaja. Demikian juga berlaku kepada ibadah yang lain seperti puasa pada bulan Ramadan. Hal ini menunjukkan proses pendidikan anak berlaku secara berperingkat (*tadarrujan*) agar proses yang berlaku menatijahkan impak yang positif dan berterusan.

Konklusinya, pembinaan elemen akidah dengan berteraskan keimanan kepada Allah SWT adalah untuk mananamkan kefahaman dan melaksanakan tanggungjawab sebagai bekalan demi kebahagiaan akhirat. Demikian juga elemen ibadah berperanan untuk mengukuhkan akidah yang wujud dalam hati seorang anak. Kewujudan unsur spiritual ini yang menjadikan kehidupan manusia lebih bererti dan bermakna²⁶. Kesimpulannya, pendidikan akidah yang digarap oleh para sarjana Muslim memfokuskan kepada usaha untuk menyulam keimanan serta kepercayaan kepada Allah dan Rasul berteraskan kepada asas rukun Iman dan rukun Islam seterusnya membawa kepada kefahaman terhadap halal dan haram. Dimensi ini merupakan asas kekuatan spiritual utama bagi menyemai akidah yang sejahtera dan rohani yang mampan dalam jiwa mereka untuk menongkah arus teknologi pada era Revolusi Perindustrian 4.0.

Pendidikan Akhlak (*Al-Tarbiah Al-Khuluqiyyah*)

Menurut Nasih ‘Ulwan bahawa pendidikan akhlak ialah sejumlah prinsip pendidikan yang wajib dimiliki oleh seorang anak dan dijadikan kebiasaannya sejak usia tamyiz hingga mencapai peringkat mukalaf (baligh).²⁷ Ibnu Qayyim menghuraikan bahawa pendidikan akhlak adalah dengan melatih anak melakukan kebiasaan yang baik dan berakhlek mulia. Menurut beliau, seorang anak akan membesar mengikut acuan yang diterapkan oleh ibu bapa sejak kecil. Sikap positif akan membentuk keperibadian yang mulia. Manakala sikap negatif anak semasa dewasa sukar untuk diubah kerana sikap tersebut telah menjadi tabiatnya. Beliau turut menegaskan bahawa akhlak mulia yang lahir dalam jiwa seseorang merupakan impak daripada kebiasaan yang baik yang dilatih sejak kecil²⁸. Seperti kata-kata beliau dalam kitabnya,

“Anak kecil pada zaman kanak-kanaknya sangat memerlukan seseorang untuk membina dan membentuk akhlaknya, kerana dia akan membesar mengikut kebiasaan dia dididik. Jika seorang anak selalu dibiasakan dengan sifat pemarah dan keras kepala, tidak sabar dan bersikap tergesa-gesa, menurut hawa nafsu, panas baran dan rakus, maka semua sifat itu akan sukar diubah apabila dewasa. Namun jika seorang anak dipelihara, dijaga dan dilarang melakukan segala keburukan tersebut, pasti dia akan terhindar daripada sifat buruk itu. Oleh yang

²⁶ Syafiq Falah Alawneh, “Human Motivation an Islamic Perception.Pdf,” 1998, 19–39.

²⁷ ‘Abd. Allāh Nāṣīḥ ‘Ulwan. *Tarbiyah al-Awlād fi al-Islām*. (Kaherah: Dār al-Salām, 2020). 1:133

²⁸ Rosidi, “Konsep Pendidikan Anak Prasekolah Dalam Perspektif Ibn Qayyim Al-Jawziyyah.”

demikian, jika bertemu dengan seorang dewasa yang berakhhlak buruk dan berada dalam kesesatan, ia merupakan akibat kesilapan pendidikan pada waktu kecilnya dahulu.”²⁹

Maka Nāsiḥ ‘Ulwān membawa satu bentuk solusi iaitu dengan mendidik anak untuk mencontohi akhlak dan peribadi Rasulullah SAW kerana dengan mencontohi keperibadian baginda SAW, dapat mencegah anak daripada budaya ikut-ikutan (taklid buta) dan tenggelam dalam kesenangan. Di samping ibu bapa perlu memantau mereka daripada hiburan yang melalaikan serta berpenampilan dengan imej jantina yang berbeza.³⁰

Meneliti hakikat ini, dimensi akhlak ini terbina melalui pemerhatian anak terhadap tutur kata dan perilaku insan yang terhampir dengannya iaitu ibu bapa dalam kanvas kehidupan mereka. Dengan kata lain, ibu bapa berperanan sebagai pendakwah kepada anak-anak bukan sahaja melalui medium lisan (*al-da’wah bi al-lisān*) tetapi juga melalui medium contoh teladan (*al-da’wah bi al-hāl*). Hal ini kerana tugas dakwah kepada ahli keluarga ialah tanggungjawab yang wajib dilakukan oleh ketua keluarga juga seluruh ahli keluarganya³¹. Bagaimana ibu bapa menghidupkan spektrum yang baik (*bīah solehah*) di rumah amat memberi impak kepada keperibadian dan akhlak anak-anak.

Dalam konteks pembinaan akhlak, Muḥammad Suwayd menekankan beberapa adab khusus yang wajar diterapkan dalam jiwa anak yang sedang membesar iaitu adab terhadap kedua orang tua dan ulama. Dua golongan ini merupakan individu yang memiliki makam dan kedudukan yang tinggi di sisi agama justeru menjaga adab terhadap keduanya merupakan suatu kewajipan yang amat dituntut. Kemudian diikuti dengan adab persaudaraan dan sesama jiran tetangga. Sesuai dengan saranan Rasulullah SAW, Muḥammad Suwayd menyebutkan adab makan, penampilan diri, adab dengan al-Quran serta menghiasi diri dengan sifat jujur, menjaga rahsia, amanah dan berlapang dada. Sifat-sifat yang disenaraikan ini meliputi keseluruhan sifat mahmudah yang memberi nilai tambah dan meningkatkan maruah diri seseorang.

Lontaran pendapat Muḥammad Suwayd dalam konteks akhlak ini dapat direalisasikan melalui proses pembiasaan seperti yang diungkapkan oleh Ibnu Qayyim dan Nasih ‘Ulwan. Apabila anak dibiasakan dengan sifat-sifat mahmudah yang disebutkan, ia akan menjadi tabiat dan kebiasaannya sehingga terbawa apabila dewasa. Lantaran itu, dengan menjadikan Rasulullah SAW sebagai uswah, ibu bapa telah memberi contoh teladan teragung untuk dijadikan ikutan atau *role model* kepada anak-anak.

Kesimpulan

Tuntasnya, penerapan jiwa yang merdeka yang sebenar perlu diperluaskan dalam konteks masyarakat di Nusantara khususnya bagi persediaan mendepani cabaran dan peluang Revolusi

²⁹ Ibnu Qayyim Abu ‘Abd. Allāh Muḥammad bin Abu Bakr bin Ayyūb bin Qayyim al-Jawziyyah. *Tuḥfah al-Mawdūd bi Aḥkām al-Mawlūd*. Ed. Fawwaz Aḥmad Zamarli, (Beirut: Dār Kitab al-‘Arabi, 2004), 191.

³⁰ ‘Abd. Allāh Nāsiḥ ‘Ulwan. *Tarbiyah al-Awlād fi al-Islām*. (Kaherah: Dār al-Salām, 2020). 1:143-145.

³¹ Husna Husain, “Pendekatan Dakwah Terhadap Ahli Keluarga Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim A.S,” *Al-Abqari* 16 (2018): 105–20.

Perindustrian 4.0. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa pandangan yang diutarakan oleh para sarjana Muslim terpilih ini sentiasa relevan kepada para ibu bapa Muslim di Nusantara dalam menerapkan kesejahteraan akidah dan ketulusan akhlak dalam jiwa anak mereka. Sungguhpun kepesatan teknologi memonopoli segenap kanvas kehidupan anak-anak, ibu bapa sewajarnya mengambil cakna terhadap sebarang unsur yang boleh membawa kepada kerosakan akidah dan kebejatan akhlak generasi harapan bangsa dan agama. Tanpa nilai keimanan dan akhlak, teknologi tidak memberi sebarang kebaikan malah membawa kerosakan kepada sesebuah tamadun manusia.

Rujukan

- Abu al-Fida' Ismā'īl bin 'Umar bin Kathir al-Dimashqi. (1999). *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, (Riyadh: Dār al-Taybah li al-Nashr wa al-Tawzī'), 5:240.
- Abu 'Abd. Allāh Muḥammad bin Ahmad al-Anṣārī al-Qurṭubī. (1964). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān Tafsīr al-Qurṭubī*, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Masriyah).18:195
- Amri, Asep Saepul. "Konsep Pendidikan Anak Dalam Islam Perspektif Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah," 2017. <http://eprints.walisongo.ac.id/7418/>.
- Bakar, Osman. "In Focus Family Values , the Family Institution , and the Challenges of the Twenty-First." *Islam and Civilisation Renewal*, 2011, 25.
- Guntur, Ahmad. "Pendidikan Anak Dalam Keluarga (Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashih 'Ulwan Dan Jamal Abdurrahman)," 2018.
- Haniffa, Mohamed Ali, Ayu Nor azilah Mohamad, and Nor Azlah Sham Rambely. "Survival Orang Melayu Mendepani Arus Revolusi." *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, no. April (2018): 1–15.
- Harun, Hasri, and hasliza Mohamad Ali. "Peranan Bapa Dalam Pembentukan Keluarga Sejahtera : Analisa Isu-Isu Dan Cabaran Di Era Digital (The Role of Fathers in the Formation of Well-Being Family : An Analysis of Issues and Challenges in the Digital Era)." *Online Jurnal; Research In Islamic Studies* 8, no. 2 (2021): 57–66. <http://jice.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/32193/13506>.
- Hidayah, Redho Rahmad. "Metode Orang Tua Dalam Pendidikan Karakter Anak Pada Kitab Manhaj At Tarbiyah An Nabawiyah Lith Thifl Karya Muhammad Nur Abdul Hafizh Suwaid." *Fakultas Tarbiyah Dan Tadris Institut Agama Islam Negeri Bengkulu*. Institut Agama Islam Negeri Bengkulu, 2021.
- Husna Husain. "Pendekatan Dakwah Terhadap Ahli Keluarga Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim A.S." *Al-Abqari* 16 (2018): 105–20.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali, Suraya Sintang, Azarudin Awang, Khairul Nizam Mat Karim, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, and Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali and Ruzman Md. Noor Nurhanisah Senin, Azmil Zainal Abidin, Ahmad Zuhdi Ismail. "Al- Wasatiyyah in the Practice of Religious Tolerance among the Families of New Muslims in Sustaining a Well-Being Society." *Humanomics* 33, no. 2 (2017): 211–20.
- M Fariddudin, Siti Noor Farahin, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, and Syed Mohammad

- Hilmi Bin Syed Abdul Rahman. "Dimensi Keibubapaan Dalam Pendidikan Anak Di Era Pandemik Dan Solusi Menurut Kitab Manhaj Al-Tarbiah Al- Dimensions of Parenting in Children ' s Education in the Pandemic Era and Solutions According to the Book of Manhaj Pendahuluan Ibu Bapa Mempunyai Per." *Jurnal Usuluddin* 50, no. 1 (2022): 93–114.
- Maziahtusima, Ishak, Abdullah Hazlina, Ahmad Sakinah, and Mohamed Yuslina. "Mendepani Cabaran Era Revolusi Industri 4.0 : Hubungan Amalan Pembelajaran Berterusan Dengan Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat." *Journal of Chemical Information and Modeling* 53, no. 9 (2013): 1689–99.
- Md Ali, Abdul Wahab. "Analisis Terhadap Tahap-Tahap Ketagihan Menurut Teori Al-'Ishq Ibn Qayyim Al-Jawziyyah." *Al-Hikmah* 9 (1) (2017): 43–52.
- Mohammad, Syed, Hilmi Syed, Abdul Rahman, and Che Zarrina. "Penggunaan Media Sosial Baharu : Isu-Isu Dan Panduan Perspektif Islam The Use of New Social Media : Issues and Guidelines From an Islamic Perspective Pendahuluan Penggunaan Media Sosial Baharu Pada Masa Kini Adalah Seiring Dengan Era Kemodenan Yang Berlak" 50, no. 1 (2022): 69–92.
- Mohd Hasem Almuddin, Asyraf Isyraqi Jamil, and Che Zarrina Sa'ri. "Amalan Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam." *Journal of Islamic Educational Research (JIER)* 1, no. Special Issue (2016): 10. <http://ajba.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/2157/475>.
- Nahar, Naquiah, Sahrurizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, and Abdul Hafiz Abdullah. "Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja (Negative Impact of Modern Technology To the Children'S Life and Their Development)." *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5, no. 1 (2018). doi:10.11113/umran2018.5n1.181.
- Ramli, Romlah, Budi Bahasa, Privasi Komunikasi, and Atas Talian. "Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial Dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan." *Journal of Techno - Social* 8, no. 1 (2016): 102–11.
- Rosidi, Rosidi. "Konsep Pendidikan Anak Prasekolah Dalam Perspektif Ibn Qayyim Al-Jawziyyah." *Tarbawy : Jurnal Pendidikan Islam* 6, no. 1 (2019): 1–14. doi:10.32923/tarbawy.v6i1.869.
- Setiawati, Novi. "Pendidikan Anak Dalam Keluarga (Studi Komparasi Pemikiran Abdullah Nashih 'Ulwan Dan Ibnu Qayim Al-Jauziyyah)," 2018, 1–135.
- Susiba, Susiba. "Pendidikan Akidah Bagi Anak Usia Dini." *POTENSI: Jurnal Kependidikan Islam* 4, no. 2 (2019): 155. doi:10.24014/potensia.v4i2.5871.
- Syafiq Falah Alawneh. "Human Motivation an Islamic Perception.Pdf," 1998, 19–39.